ROSLI ABDUL WAHAB lwn. JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
HANIPAH FARIKULLAH H
[SEMAKAN KEHAKIMAN NO: 24-16-03-2015]
8 MAC 2016

UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN: *Kewarganegaraan – Permohonan – Syarat-syarat di bawah per. 14(1)(b) dibaca bersama-sama dengan Bahagian II Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan – Sama ada dipatuhi – Sama ada identiti plaintif diragui – Sama ada ibu dan bapa plaintif merupakan warganegara Malaysia semasa beliau dilahirkan – Sama ada permohonan plaintif untuk perisytiharan sebagai warganegara Malaysia dibenarkan*

Melalui saman pemula ini, plaintif memohon untuk satu perisytiharan bahawa dia adalah seorang warganegara Malaysia mengikut peruntukan per. 14(1)(b) Perlembagaan Persekutuan. Menurut plaintif, Jabatan Pendaftaran Negara ('defendan') menolak permohonan plaintif atas alasan bahawa plaintif gagal mengemukakan keterangan yang boleh membuktikan bahawa dia pemilik sijil lahir A976552. Plaintif berhujah bahawa ibu dan bapanya merupakan warganegara Malaysia dan memiliki kad pengenalan mereka masing-masing. Antara dokumen-dokumen yang dikemukakan semasa tindakan ini adalah (i) sijil lahir plaintif yang menunjukkan, antara lain, bahawa dia dilahirkan di Perlis; (ii) sesalinan kad pengenalan ibu dan bapa plaintif; dan (iii) surat akuan daripada ibu plaintif sebelum dia meninggal dunia yang menyatakan bahawa plaintif adalah anaknya.

Diputuskan (mengisytiharkan plaintif sebagai warganegara Malaysia; defendan diperintahkan untuk mengeluarkan kad pengenalan kepada plaintif dalam masa tujuh hari dari tarikh perintah ini):

(1) Berdasarkan per. 14(1)(b) Perlembagaan Persekutuan yang dibaca bersama-sama dengan Bahagian II Jadual Kedua kepada Perlembagaan Persekutuan, dua syarat perlu dipenuhi sebelum seseorang itu layak diberi status sebagai warganegara Malaysia, iaitu, (i) seseorang itu hendaklah dilahirkan di Malaysia; dan (ii) seseorang itu hendaklah dilahirkan kepada salah seorang ibu bapa di mana pada masa kelahirannya, salah seorang daripada mereka merupakan seorang rakyat Malaysia atau seorang yang bermastautin di Malaysia. (perenggan 7)

(2) Berdasarkan sijil lahir plaintif, adalah jelas bahawa ibu dan bapa plaintif merupakan rakyat Malaysia semasa beliau dilahirkan di Kangar, Perlis. Plaintif telah mengemukakan sesalinan kad pengenalan ibunya dan juga sesalinan kad pengenalan bapanya yang telah pun meninggal dunia di Pakistan. Plaintif juga telah mengemukakan bukti surat akuan daripada ibunya sebelum dia meninggal dunia di mana ibunya, antara lain, menyatakan bahawa plaintif merupakan anaknya. Dalam keadaan ini,

plaintif telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah peruntukan per. 14(1)(b) Perlembagaan Persekutuan dibaca bersama-sama dengan Bahagian II Jadual Kedua dan oleh itu, layak diberi status sebagai warganegara Malaysia. (perenggan 10, 11, 12, 13 & 20)

(3) Defendan tidak mempertikaikan kesahihan dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh plaintif untuk menyokong permohonannya. Hujahan defendan bahawa plaintif telah gagal mengemukakan keterangan yang boleh membuktikan bahawa dia pemilik sijil lahir A976552 tidak boleh diterima. Sekiranya defendan meragui identiti plaintif sebagai pemilik sijil lahir tersebut, defendan hendaklah mengemukakan bukti kukuh bagi menyokong pernyataannya. Walau bagaimanapun, defendan gagal menyangkal tuntutan plaintif melalui bukti kredibel. (perenggan 14-18)

Kes-kes yang dirujuk:

Yu Sheng Meng (Suing Through Next Of Kin, Yu Meng Queng) v. Ketua Pengarah Pendaftaran Negara & Ors [2016] 1 CLJ 336 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Federal Constitution, art. 14(1)(b)

Bagi pihak pemohon - Rosli Abdul Wahab; Peguam Kanan Persekutuan
Bagi pihak responden - P Selvaraj; T/n Raj & Co

Dilaporkan oleh Kumitha Abd Majid

PENGHAKIMAN

Hanipah Farikullah H:

[1] Plaintif telah memohon melalui saman pemula untuk pengisytiharan bahawa beliau adalah rakyat Malaysia mengikut peruntukan per. 14(1) Perlembagaan Persekutuan.

[2] Defendan menolak permohonan plaintif pada asasnya atas alasan bahawa plaintif telah gagal mengemukakan keterangan yang dapat membuktikan bahawa dirinya adalah pemilik sijil lahir A 976552 dan oleh itu tindakan defendan untuk tidak membenarkan permohonan plaintif adalah satu tindakan pentadbiran yang tepat dan tidak menyalahi undang-undang.

Fakta Latar Belakang Kes

[3] Fakta latar belakang kes yang dikemukakan oleh peguam plaintif adalah seperti berikut:

(a) Bapa plaintif bernama Abdul Wahab bin Sharif Khan adalah seorang warganegara Malaysia yang memiliki kad pengenalan bernombor 1469952 (eks. "R1"). Suatu pengesahan juga telah dibuat di Jabatan Pendaftaran Negara, Malaysia mengenai bapa plaintif (eks. "R2").

(b) Ibu plaintif bernama Che Bunga binti Che Pee adalah seorang warganegara Malaysia yang memiliki kad pengenalan bernombor 240524-71-5238 (eks. "R3"). Suatu cabutan juga telah dibuat di Jabatan Pendaftaran Negara, Malaysia (eks. "R4").

(c) Hasil daripada perkahwinan bapa dan ibu plaintif, plaintif telah dilahirkan pada 26 Ogos 1969 (eks. "R5"). Suatu cabutan telah dibuat di Jabatan Pendaftaran Negara, Malaysia mengenai sijil kelahiran plaintif (eks. "R6").

(d) Plaintif dikeluarkan Perakuan Cemas No. 649317 oleh Pejabat Kedutaan Malaysia di Pakistan (eks. "R16").

(e) Semasa plaintif berumur tiga tahun, bapa plaintif telah balik ke Pakistan dengan membawa plaintif bersamanya (eks. "R7"). Selepas balik ke Pakistan, bapa plaintif telah jatuh sakit dan meninggal dunia di Pakistan pada 15 April 1991 (eks. "R9").

(f) Sementara itu, plaintif telah berkahwin dan nama isteri plaintif adalah Khalidah (kad pengenalan 16202-2820669-6) yang lahir pada 1 Januari 1984. Hasil daripada perkahwinan tersebut, plaintif mempunyai empat orang anak seperti berikut:

Nama	**Tarikh Lahir**	**Jantina**	**Umur**
Waqas	5 Januari 2005	Lelaki	9 Tahun
Hasiba	10 Februari 2008	Perempuan	6 Tahun
Asadullah	10 Februari 2008	Lelaki	6 Tahun
Khazam	20 Oktober 2012	Lelaki	3 Tahun

(g) Pada akhir tahun 2001, saudara plaintif bernama Azim Khan pergi ke Pakistan dari Malaysia dan berjumpa dengan plaintif di mana plaintif menunjukkan kepada saudaranya dokumen-dokumen yang plaintif miliki dan saudara plaintif, Azim Khan mencadangkan kepada plaintif supaya plaintif balik ke Malaysia kerana plaintif adalah warganegara Malaysia.

(h) Selepas kembali ke Malaysia, saudara plaintif, Azim Khan berjumpa dengan ibu kandung plaintif bernama Che Bunga binti Che Pee dan Che Bunga binti Che Pee pernah melaksanakan suatu surat sumpah yang diikrarkan pada 16 Mei 2006 (eks. "R10").

(i) Saudara plaintif, Azim Khan berjumpa dengan peguam dan menguruskan untuk mendapatkan dokumen-dokumen yang dirujuk sebagai eks. "R2", "R4", "R6" dan "R10" yang tersebut di atas. Peguam cara plaintif Tetuan Raj & Co telah menulis surat kepada Jabatan Imigresen untuk mendapatkan dokumen perjalanan sementara

untuk plaintif (eks. "R11"). Pihak Imigresen telah melalui surat bertarikh 17 Disember 2010 mengesahkan bahawa plaintif hendaklah memohon untuk "Sijil Perakuan Taraf" terlebih dahulu (eks. "R12").

(j) Seperti di dalam surat Imigresen tersebut, peguam cara plaintif telah menulis surat kepada Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia untuk mendapatkan prosedur-prosedur dan borang-borang untuk melaksanakan proses "Sijil Perakuan Taraf" (eks. "R13"). Pihak Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia telah melalui surat bertarikh 11 Februari 2011 memaklumkan tentang prosedur untuk memohon "Sijil Perakuan Taraf" (eks. "R14"). Sekali lagi melalui surat bertarikh 3 Mei 2011, pihak Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia mengesahkan tentang prosedur untuk memohon "Sijil Perakuan Taraf" (eks. "R15"). Berdasarkan kepada surat-surat dari Imigresen dan Jabatan Pendaftaran Negara, plaintif dinasihatkan oleh peguam cara dan saudaranya untuk menghadirkan diri di Kedutaan Malaysia di Islamabad, Pakistan dan memohon untuk "Perakuan Cemas" untuk datang ke Malaysia. Justeru itu, plaintif dikeluarkan dengan "Perakuan Cemas" (eks. "R16"). Menggunakan "Perakuan Cemas" yang dikeluarkan itu, plaintif datang ke Malaysia pada 31 Januari 2012.

(k) Atas pertolongan saudaranya itu, plaintif membuat permohonan di Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia untuk pengesahan taraf.

(l) Pada masa yang sama, plaintif juga dinasihatkan oleh Pegawai Jabatan Pendaftaran Negara untuk membuat permohonan daftar lewat kad pengenalan. Atas nasihat tersebut, plaintif membuat permohonan itu. Pihak Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia mengesahkan permohonan plaintif (eks. "R18"). Melalui surat bertarikh 13 Februari 2012 pihak Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia meminta plaintif menghadiri temu duga. Plaintif telah menghadiri temu duga seperti diarahkan (eks. "R19").

(m) Plaintif dimaklumkan melalui surat bertarikh 11 Februari 2013 dari Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia bahawa pihak Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia menolak permohonan plaintif dan membatalkan permohonannya (eks. "R20").

Keputusan

[4] Seperti yang saya nyatakan sebelum ini, plaintif menuntut bahawa beliau adalah seorang warganegara Malaysia mengikut peruntukan per. 14(1)(b) Perlembagaan Persekutuan.

[5] Perkara 14(1)(b) Perlembagaan Persekutuan menyatakan seperti berikut:

Citizenship by operation of law

(14)(1) Subject to the provisions of this Part, the following persons are citizens by operation of law, that is to say:

(b) Every person born on or after Malaysia Day, and having any of the qualifications specified in Part II of the Second Schedule.

[6] Sehubungan ini, Bahagian II Jadual Kedua kepada Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa:

Citizenship By Operation Of Law Of Persons Born On Or After Malaysia Day

1. Subject to the provisions of Part III of this Constitution, the following persons born on or after Malaysia Day are citizens by operation of law, that is to say:

(a) Every person born within the Federation of whose parents one at least is at the time of the birth either a citizen or permanently resident in the Federation; and

[7] Berdasarkan per. 14(1)(b) Perlembagaan Persekutuan yang dibaca bersama dengan Bahagian II Jadual Kedua, dua syarat perlu dipenuhi sebelum seseorang itu layak diberi status sebagai warganegara Malaysia iaitu:

(a) Seseorang itu hendaklah dilahirkan di Malaysia; dan

(b) Seseorang itu hendaklah dilahirkan kepada salah seorang ibu bapa di mana pada masa kelahirannya, salah seorang daripada mereka merupakan seorang rakyat Malaysia atau seorang yang bermastautin di Malaysia (lihat *Yu Sheng Meng (Suing Through Next of kin, Yu Meng Queng) v. Ketua Pengarah Pendaftaran Negara & 2 Ors* [2016] 1 CLJ 336; [2015] 6 AMR 694).

[8] Di dalam kes ini, plaintif telah mengemukakan sijil lahir beliau bagi membuktikan bahawa beliau dilahirkan di Malaysia. Antara lain, sijil lahir plaintif mencatatkan perkara berikut:

Nama Kanak-Kanak	:	Rosli Bin Abdul Wahab
Tempat Lahir	:	Kampung Melayu, Padang Besar, Perlis
Jantina	:	Lelaki
Tarikh & Waktu Kelahiran	:	26.8.1969 & 3.00 pm
Taraf Kewarganegaraan	:	Warganegara

[9] Menurut sijil lahir plaintif, maklumat mengenai ibu bapa plaintif adalah seperti berikut:

Nama Bapa	:	Abdul Wahab bin Sharif Khan
No. Kad Pengenalan	:	1469952

A	Taraf Pemastautin	:	Warganegara
	Keturunan	:	Pakistani
	Nama Ibu	:	Che Bunga Binti Che Pee
	No. Kad Pengenalan	:	3626413
B	Taraf Pemastautin	:	Warganegara
	Keturunan	:	Melayu

[10] Berdasarkan sijil lahir plaintif, adalah jelas bahawa ibu dan bapa plaintif merupakan rakyat Malaysia semasa beliau dilahirkan pada 26 Ogos C 1969 di Kampung Melayu, Padang Besar, Kangar, Perlis.

[11] Sehubungan ini, plaintif telah juga mengemukakan sesalinan kad pengenalan ibu beliau (eks. R3) dan juga sesalinan kad pengenalan bapanya yang telah pun meninggal dunia di Pakistan. Sesalinan sijil kematian bapa di Pakistan juga dikemukakan sebagai bukti (eks. "R9").

D

[12] Plaintif juga telah pun mengemukakan bukti surat akuan dari ibu beliau sebelum beliau meninggal dunia (eks. "R10") di mana ibu beliau antara lain menyatakan bahawa plaintif merupakan anak beliau.

[13] Pada pandangan saya, berdasarkan alasan-alasan di atas, plaintif telah E memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah peruntukan per. 14(1)(b) Perlembagaan Persekutuan dibaca bersama dengan Bahagian II Jadual Kedua dan oleh itu layak diberi status sebagai warganegara Malaysia.

[14] Perlu ditekankan bahawa defendan melalui afidavit Dato' Mustafa bin Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara tidak mempertikaikan F kesahihan dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh pemohon bagi menyokong permohonan beliau.

[15] Walau bagaimanapun, apa yang dipertikaikan oleh defendan adalah bahawa plaintif gagal mengemukakan keterangan yang boleh membuktikan bahawa beliau adalah pemilik sijil lahir A 976552.

G

[16] Pada pandangan saya, hujahan defendan itu tidak boleh diterima.

[17] Sekiranya defendan meragui identiti plaintif sebagai pemilik kepada sijil lahir A 976552 tersebut, defendan hendaklah mengemukakan bukti yang kukuh bagi menyokong pernyataannya.

H

[18] Walau bagaimanapun, defendan gagal menyangkal tuntutan plaintif melalui bukti yang kredibel.

[19] Sebaliknya, pada pandangan saya plaintif telah berjaya membuktikan bahawa beliau dilahirkan di Malaysia dan ibu bapa beliau juga merupakan I warganegara Malaysia selaras dengan peruntukan per. 14(1)(b) dibaca bersama dengan Bahagian II Jadual kedua Perlembagaan Persekutuan.

Penutup

[20] Berdasarkan alasan-alasan di atas, saya berpuas hati bahawa plaintif telah berjaya memenuhi syarat-syarat di bawah peruntukan per. 14(1)(b) Perlembagaan Persekutuan (dibaca bersama dengan Bahagian II Jadual Kedua).

[21] Oleh itu mahkamah mengisytiharkan bahawa plaintif merupakan warganegara Malaysia melalui kuat kuasa undang-undang.

[22] Oleh itu, defendan hendaklah dalam masa tujuh hari dari tarikh perintah ini mengeluarkan kad pengenalan kepada plaintif.